

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28.03.2018**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pampasan yang dibayar kepada PLUS (termasuk sebarang pelanjutan perjanjian konsesi dan perubahan harga tol masa depan) bagi pemansuhan Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemansuhan kutipan tol di Batu Tiga Shah Alam dan Sg. Rasau Klang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018 dan PLUS juga telah menyerahkan hak penyelenggaraan Lebuhraya Persekutuan (FRH1) tersebut kepada Kementerian Kerja Raya (KKR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dan syarikat perlu merunding terma-terma penyelesaian bagi mendapatkan jumlah pampasan yang setara disebabkan syarikat kehilangan suatu jumlah hasil sebelum tamat tempoh konsesi tersebut.

Dalam hal ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan KKR kini diperingkat akhir bagi menentukan *net revenue loss* dan Kementerian Kewangan juga sedang meneliti opsyen-opsyen yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan sebagai pampasan setara kepada PLUS dengan tidak membebankan Kerajaan dan pengguna.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan dan pembangunan lebuhraya adalah berdasarkan *userpay concept* dan ianya merupakan laluan alternatif kepada jalan sedia ada. Sekiranya Kerajaan perlu menawarkan pampasan kepada PLUS melalui *extention of the concession* atau melalui penyelarasan kadar tol sesuatu lebuhraya, ianya masih berpandukan *userpay principle* dan pengguna boleh memilih jalan sedia ada yang tidak dikenakan tol. Namun begitu, kepentingan pengguna tetap diutamakan semasa Kerajaan memuktamadkan cadangan penyelesaian pampasan ini.